



**TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' SRI DR. ALI BIN HANSA
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

**MAJLIS PERASMIAN
PUTRAJAYA RC EVENT 2013 2ND
EDITION DAN 1/8 (ONE OVER EIGHT) GP
BUGGY MALAYSIAN NATIONAL
LEAGUE (MNL) ROUND 2**

**20 APRIL 2013 (SABTU)
10.30 PAGI
TAPAK RC, PRESINT 6**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

YBhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Aseh Hj. Che Mat
Presiden Perbadanan Putrajaya dan
YBhg Puan Sri Khadijah Mohd Yasin;

YBhg. Dato' Adnan Hj. Md Ikhsan
Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan dan
Kesejahteraan Bandar;

Pegawai-pegawai Kanan Perbadanan Putrajaya;

Wakil-wakil Kementerian dan Jabatan Kerajaan;

Wakil media; dan

Para hadirin sekalian.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, marilah kita sama-sama memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah inayah dan izinNya, kita dapat berkumpul pada pagi ini dalam acara Putrajaya RC Event 2013 2nd Edition dan 1/8 (One Over Eight) GP Buggy Malaysian National League (MNL) Round 2. Sesungguhnya saya amat gembira kerana berpeluang sekali lagi bertemu warga Putrajaya sekalian sejak pertemuan kita pada Malam Ramah Mesra Komuniti Putrajaya pada bulan Februari lepas.

2. Objektif utama program ini adalah untuk menjadikan Putrajaya sebuah pusat setempat atau “*RC One-Stop Radio Control Centre*” untuk aktiviti-aktiviti model kawalan radio (*remote control* (RC)) di kawasan Presint 6, Putrajaya. Ini meliputi

sebuah kawasan untuk penerbangan model-model kapal terbang, helikopter dan multi-rotor kawalan radio, trek untuk perlumbaan kereta kawalan radio *on-road* dan *off-road*. Sementara itu, aktiviti *boating* dan perlumbaan bot-bot bagi model-model bot kawalan radio pula boleh diadakan di Kompleks Sukan Air yang terletak bersebelahan dengan pusat setempat ini.

3. Antara fasiliti yang telah dibina oleh Perbadanan Putrajaya ialah sebuah landasan (*runway*) kapal terbang dan kemudahan-kemudahan yang berkaitan dengannya serta sebuah trek perlumbaan *off-road* untuk kereta-kereta kawalan radio. Semua fasiliti ini telah dibina mengikut spesifikasi antarabangsa agar Putrajaya dapat menganjurkan kejohanan-kejohanan model kawalan radio peringkat dunia.

4. Selain daripada itu, kemudahan-kemudahan ini akan dapat digunakan oleh komuniti Putrajaya serta orang ramai yang tinggal berdekatan dengan Putrajaya. Adalah diharapkan dengan adanya kemudahan-kemudahan ini, Putrajaya akan menjadi terkenal, ceria dan bertenaga serta menjadi salah satu bandar raya di dunia yang mempunyai pusat setempat model kawalan radio.

AKTIVITI-AKTIVITI DI PUTRAJAYA

Para hadirin sekalian.

5. Selain penganjuran aktiviti sebegini, Putrajaya juga kerap menjadi tuan rumah kepada penganjuran aktiviti-aktiviti belia dan kesukanan. Baru-baru ini, program **1 Million Women Purple Walk** telah diadakan, yang memperlihatkan seluruh Dataran Putrajaya ditenggalami dalam

lautan ungu. Seterusnya Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menganjurkan **Program Kayuhan Patriotik 1Malaysia**, dan yang terbaru, ***Putrajaya International Hot Air Balloon Fiesta*** yang dianjurkan oleh Perbadanan Putrajaya. Suka saya katakan hampir setiap hujung minggu, Putrajaya akan rancak dengan pelbagai aktiviti. Tahniah saya ucapkan kepada semua kementerian, termasuk Perbadanan Putrajaya yang sentiasa komited dalam memastikan Putrajaya menjadi satu bandar yang sentiasa ceria.

6. Aktiviti kawalan radio merupakan satu minat yang saya yakin kian berkembang dalam masyarakat kita. Ia merupakan suatu hobi yang berfaedah di mana melalui hobi ini, seseorang boleh terdedah kepada aspek kejuruteraan dan elektronik yang didapati semasa mengendalikan model-model tersebut. Mereka juga akan belajar

untuk mendisiplinkan diri agar mematuhi langkah-langkah keselamatan yang penting agar model-model kawalan jauh ini beroperasi secara selamat. Penglibatan remaja dalam aktiviti sebegini mungkin akan serba sedikit mempengaruhi cita-cita mereka atau minat mereka untuk menceburi bidang penerbangan atau kejuruteraan.

7. Saya difahamkan bahawa acara ini diadakan untuk kali kedua dan Putrajaya menjadi Tuan Rumah bagi acara 1/8 (One Over Eight) GP Buggy Malaysian Nasional League (MNL) Round 2, yang melibatkan penyertaan di peringkat antarabangsa. Acara-acara termasuk pertandingan dan pertunjukan RC Udara, pertandingan *Do It Yourself* (DIY), pertandingan dan pertunjukan RC Drif, pertandingan dan pertunjukan RC Powerboat dan Sailboat.

PUTRAJAYA: BANDARAYA CONTOH

8. Dalam melengkapkan Putrajaya ke arah pencapaian matlamat menjadikannya Bandaraya Contoh, peranan dan tanggungjawab Perbadanan Putrajaya khususnya, serta kementerian-kementerian sekitar adalah penting dalam memastikan semua warga Putrajaya sama-sama memahami Visi dan Misi Putrajaya dan mendukung aspirasi pembangunan Putrajaya sebagaimana dihasratkan. Pelbagai program telah dilaksanakan untuk menceriakan Putrajaya dan penglibatan penuh dari pihak komuniti amatlah dialu-alukan untuk kita sama-sama menyumbang menjadikan Putrajaya sebuah bandaraya yang **unggul**.

9. Selaras dengan konsep "Merakyatkan Perkhidmatan Awam", saya mengamalkan dasar kepimpinan terbuka, jujur, ikhlas serta berterus terang. Sebagai salah seorang warga Putrajaya, saya ingin menyelami akan perasaan dan harapan komuniti Putrajaya. Oleh itu, saya berharap agar hadirin sekalian dapat berkongsi cadangan dan pandangan yang dirasakan perlu untuk menceriakan bandar ini, dan juga supaya ia mencapai matlamatnya untuk menjadi bandaraya contoh.

10. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih atas sokongan padu dan kerjasama erat semua pihak yang sentiasa menghidupkan bandar ini.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

11. Sekali lagi, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada semua yang terlibat dalam melaksanakan dan menjayakan majlis hari ini.

12. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat beraksi kepada semua peserta pertandingan pertunjukan Putrajaya RC Event 2013 2nd Edition.

13. Dengan ini, dan dengan lafaz Bismillahhir Rahmannir Rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan acara Putrajaya RC Event 2013 2nd Edition dan 1/8 (One Over Eight) GP Buggy Malaysian National League (MNL) Round 2.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.